

19 JUL 1999

Mahathir-Penuntut

PM BIDAS PEMBANGKANG GUNA PENUNTUT UNTUK KEPENTINGAN POLITIK

GURUN, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal kerana usaha kerajaan untuk menambah bilangan cerdik pandai Melayu dalam bidang ilmu dan teknologi terjejas akibat keghairahan parti politik menghasut dan mempengaruhi penuntut-penuntut universiti supaya membenci kerajaan.

Perdana Menteri berkata, perbuatan pembangkang itu menyebabkan para penuntut universiti lebih berminat kepada politik daripada menumpukan pemikiran dan masa terhadap ilmu sehingga pencapaian akademik mereka merosot.

"Ekoran itu, hampir tidak ada penuntut Melayu yang mendapat kelulusan baik Kelas Satu dan Dua kerana diganggu dan dihasut sehingga tidak boleh belajar," katanya selepas melancarkan model terbaru motosikal nasional model BN175 ataupun dikenali sebagai "Jaguh" di Kilang Modenas, di sini, hari ini.

Beliau membidas pembangkang kerana mementingkan politik mereka sendiri daripada kejayaan anak-anak Melayu dalam kecemerlangan akademik.

"Mereka tidak ada niat langsung untuk membantu meningkatkan kecemerlangan akademik penuntut, sebaliknya hanya menghasut untuk kepentingan politik mereka," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, ada pemimpin parti pembangkang yang tidur bersama-sama penuntut di universiti untuk menjalankan kegiatan menghasut itu.

"Ada pensyarah seperti Sidek Fadzil secara sindiran ketika mengajar sejarah Islam menyamakan pemimpin negara dengan firaun. Dia kata saya Mahafiraun," katanya.

Mereka menghasut para penuntut supaya tidak berterima kasih dan bersyukur dengan usaha kerajaan menyediakan pendidikan untuk mereka.

Ekoran hasutan-hasutan itu, para penuntut tidak belajar sebaliknya berdemonstrasi serta melakukan keganasan seperti membakar tong sampah dan menendang kereta.

"Kalau berdemonstrasi, bakar tong sampah, tendang kereta orang, orang tak ada otak pun boleh buat. Tak payah belajar di universiti," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan para penuntut itu hanya membazirkan wang rakyat sahaja.

Ini kerana 90 peratus daripada kos belajar di universiti ditanggung oleh kerajaan.

"Sebab itu kerajaan tidak bawa politik dalam universiti kerana tidak mahu mengganggu pendidikan para penuntut".

"Pembangkang, sebaliknya mengajar para penuntut supaya jangan bersyukur kepada kerajaan. Kononnya ini hak kita, kalau orang lain jadi kerajaan, kita akan dapat nikmat yang sama juga," katanya.

Para penuntut hendaklah jangan benarkan diri mereka dihasut oleh pembangkang yang bertindak untuk kepentingan diri mereka sendiri sahaja, katanya.

Bercakap pada persidangan akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap pensyarah itu kerana rakyat boleh membuat penilaian sendiri.

Beliau berkata, gejala penuntut dihasut itu kini sudah menular di semua universiti terutamanya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Yang rugi ialah penuntut, tambahan pula mereka sudah memang lemah dalam pencapaian akademik mereka. Ekoran hasutan itu, para penuntut kini

mempunyai fikiran yang tertutup," katanya.

Kerajaan, kata Dr Mahathir hanya boleh menasihatkan para penuntut dan tidak boleh mengawasi sepanjang masa tindakan pemimpin pembangkang yang tidur di universiti walaupun ia melanggar peraturan universiti.

Gejala pemimpin pembangkang tidur di universiti untuk menghasut penuntut bertambah buruk apabila pensyarah sendiri menggalakkan ianya berlaku, katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata rakyat boleh menilai sendiri sama ada media tempatan mengarut atau tidak.

-- BERNAMA

JM PR